

**PECAH AMANAH : KETUA PEKERJA RESTORAN
DIPENJARA SETAHUN, DENDA RM500**

KUALA LUMPUR: Seorang ketua pekerja sebuah restoran dijatuhi hukuman penjara setahun dan denda RM500 oleh Mahkamah Sesyen di sini, hari ini selepas mengaku bersalah melakukan pecah amanah wang milik majikannya berjumlah RM5,143.30.

Sumber : Berita dan diperkasa daripada Berita Harian Online, 16 Julai 2020

- (iv) Petikan berita di atas menggambarkan pelaksanaan tanggungjawab seorang pekerja yang menyalahi syariat Islam. Mengapakah situasi ini boleh berlaku? Bincangkan. [4 markah]

2 (a) Al-Syahid dan al-Jabbar merupakan nama-nama Allah SWT yang indah.

- (i) Nyatakan maksud nama Allah SWT al-Syahid. [2 markah]
(ii) Jelaskan dua bukti Allah SWT bersifat al-Syahid. [2 markah]
(iii) Nyatakan maksud nama Allah SWT al-Jabbar. [2 markah]

Firman Allah SWT yang bermaksud :

“Serta diperintahkan aku taat dan berbuat baik kepada ibuku dan dia tidak menjadikan aku takbur, sombong dan derhaka”

(Surah Maryam : ayat 32)

- (iv) Berdasarkan maksud firman Allah SWT di atas, ramalkan kemungkinan yang akan berlaku terhadap kehidupan masyarakat sekiranya tiada kefahaman berkaitan Allah SWT bersifat al-Jabbar. [4 markah]

(b) Iman seseorang boleh terbatal melalui iktikad, perkataan dan perbuatan.

- (i) Nyatakan dua contoh perkataan yang membatalkan iman. [2 markah]
(ii) Jelaskan dua kesan melakukan perkara yang membatalkan iman terhadap individu. [2 markah]

(c) Ahli Sunah Waljamaah adalah kumpulan majoriti umat Islam yang memahami dan berpegang pada al-Quran dan al-Sunah menerusi para sahabat dan tabi'in serta tabi' tabi'in dalam prinsip akidah, syariat dan akhlak.

- (i) Nyatakan dua aliran yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunah Waljamaah. [2 markah]
(ii) Terangkan pandangan Ahli Sunah Waljamaah berkaitan isu berikut :

- (a) Melihat Allah SWT
(b) Pelaku dosa besar

[4 markah]